


# PH perlu ambil positif kajian Merdeka Center: Anwar



**Kota Bharu:** Kajian Merdeka Center yang mengatakan sokongan masyarakat terhadap Pakatan Harapan (PH) merosot, perlu dijadikan dorongan kepada kerajaan untuk memperbaikinya.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata PH tidak harus angkuh, sebaliknya cuba memperbaiki sebarang kekurangan jika ditegur.

Katanya, walaupun kajian Merdeka Center itu hanya pandangan mereka, ia turut membantu parti dalam menyampaikan maklumat.

"Kita perlu lihat secara positif, itu hanya kajian bukannya pandangan yang muktamad. Itu pandangan berdasarkan kajian.

"Namun, saya dapat kesan memang ada keresahan dalam kalangan rakyat memandangkan mereka

memberi harapan tinggi kepada kerajaan dan masalah yang membelenggu negara sukar untuk difahami.

## **Terangkan situasi ekonomi**

"Untuk menerangkan situasi ekonomi, kita terikat dengan kekuatan dana yang ada dan benda ini perlu dijelaskan, namun mengambil masa yang agak lama," katanya pada sidang media selepas mengadakan mesyuarat dengan pimpinan PH Kelantan di sini, semalam.

Akhbar sebelum ini melaporkan, kajian terbaru Merdeka Center menunjukkan keyakinan pengundi terhadap pentadbiran PH dalam mengurus ekonomi setakat bulan lalu jauh merosot, berbanding ketika mula mengambil alih kuasa

pada Mei 2018.

Badan kaji selidik pendapat awam itu mendapati kadar puas hati terhadap PH dalam soal ekonomi hanya 40 peratus, berbanding 56 peratus pada Mei 2018. Kadar tidak puas hati dalam soal ekonomi pula meningkat dari 12 peratus ke 52 peratus untuk tempoh sama.

Antara isu utama yang dianggap penting oleh 1,204 responden kajian itu ialah inflasi (54 peratus), rasuah (23 peratus) dan soal hak Melayu atau layanan sama rata (23 peratus).

Ditanya cadangan senator DAP, Nga Hok Cheh supaya perkataan agama digugurkan daripada kad pengenalan di Dewan Negara, Anwar menasihatkan supaya beliau menumpukan masalah rakyat dan ekonomi.

**Kita perlu lihat secara positif, itu hanya kajian bukannya pandangan yang muktamad. Itu pandangan berdasarkan kajian"**

**Anwar Ibrahim,**  
*Presiden PKR*